



Oleh NUR SUHAIMA NORDIN

# Kelangsaan hidup pesakit kanser otak

**P**ADA asalnya, Nur Salina Makmum, 35, mengandaikan dirinya menghidap migrain tahap kritikal. Namun disebabkan tuntutan kerja, beliau tidak berkesempatan untuk membuat pemeriksaan di hospital.

Apabila sakit itu menyerang, Nur Salina akan menelan ubat tahan sakit. Kebergantungan terhadap ubat semata-mata akhirnya memakan diri sendiri.

Pada suatu hari yang tidak terduga, wanita itu pengan di bawah terik mentari. Sebaik diagnosis dilakukan, beliau disahkan menghidap kanser otak tahap 3.

"Saya terkejut, saya fikirkan hanya migrain kerana terlalu memikirkan banyak projek di lapangan, namun sebenarnya saya ada kanser otak," kata jurutera awam itu ketika dihubungi *SinarPlus* baru-baru ini.

Berdasarkan statistik **National Brain Tumor Society, Amerika Syarikat (AS)**, dianggarkan 700,000 penduduk di sana hidup dengan ketumbuhan otak primer dan kira-kira 88,970 lagi orang akan didiagnosis dengan penyakit sama pada tahun ini.

Dalam kalangan kanak-kanak AS, seramai 13,657 orang sedang bergelut dengan masalah itu. Lebih menyedihkan, semua kes tumor yang dikesan setiap tahun berlaku dalam kalangan mereka yang masih bayi dan kanak-kanak berumur setahun hingga 14 tahun.

Justeru, sempena Hari Kanser Otak Sedunia, *SinarPlus* akan memperhalusi lebih lanjut mengenai penyakit berkenaan yang semestinya bukan sahaja takut didengari, gerun untuk disebut, apatah lagi kalau diderita.

- Menurut pakar, jangka hayat bagi mereka yang berumur kurang daripada 15 tahun adalah kira-kira 75 peratus, sementara bagi yang berusia 40 tahun ke atas hanyalah 21 peratus
- Namun, adakah benar penyakit tersebut langsung tidak boleh dipulihkan?


"Selain simptom itu, mereka juga akan sering rasa sakit kepala pada waktu pagi. Apabila bangun sahaja daripada lena, mereka akan terus rasa nyeri.

"Simptom-simptom lain yang boleh dirasai adalah seperti muntah-muntah, gangguan pada penglihatan dan juga gejala-gejala lain yang disebabkan di mana terjadinya kanser atau barah di dalam otak. Mudah kata, sekiranya barah itu terdapat di

boleh dipulihkan 100 peratus daripada ketumbuhan.

"Untuk gred ini saya tidak panggil ia sebagai kanser, tetapi ketumbuhan kerana ia tidak bersifat agresif seperti yang saya katakan tadi. Gred 1 biasanya berlaku kepada kanak-kanak dan orang muda.

"Untuk gred 2, 3 dan 4, barah atau ketumbuhannya adalah agresif. Walaupun berada pada gred 2, dalam beberapa



Pesakit yang mengalami barah otak, lazimnya mereka akan mendapat sakit kepala yang berterusan dan tidak hilang, walaupun sudah mengambil ubat

Kami turut mengupas krisis kesihatan tersebut dalam program DNA dengan menjemput **Pakar Perunding Bedah Otak dan Saraf, MSU Medical Centre, Prof Dr Badrisyah Idris** baru-baru ini.

Terdahulu, menjawab pertanyaan apa perbezaan ketara di antara migrain dan kanser otak, Dr Badrisyah menjelaskan satu persatu.

Katanya, pesakit yang mengalami barah otak, lazimnya akan mendapat sakit kepala yang berterusan dan tidak hilang, walaupun sudah mengambil ubat dan berehat.

kawasan pertuturan otak seseorang, ia akan mempengaruhi percakapan mereka," katanya.

Begitu juga kalau berlaku gangguan pada pergerakan tangan atau kaki, maka individu itu akan mengalami lemah-lemah pada bahagian anggota itu.

Jika di kawasan untuk mengawal emosi atau personaliti, ia akan menyebabkan seseorang berdepan dengan perubahan perangai, terang pakar berkenaan.

Sementara itu, beritahu Dr Badrisyah, barah otak terbahagi kepada empat gred. Gred 1 biasanya tidak agresif dan pesakit

tahu boleh menjadi gred 3. Begitulah seterusnya," ujarnya.

Bagi gred yang tinggi iaitu 4, pakar tersebut memberitahu, salur darah pesakit biasanya tidak normal, tumbuh dengan banyak dan tisu otak banyak mati.

Sehubungan itu, amatlah penting untuk pengamal perubatan mengetahui gred barah kerana ia akan menentukan jenis rawatan yang bakal diberikan.

### Keperluan pembedahan

Mengenai hubung kait *aspartam* (perasa tiruan) dan penggunaan telefon bimbit yang dikaitkan dengan kanser otak seperti dimomokkan oleh kebanyakan warga maya, Dr Badrisyah mempunyai pandangannya tersendiri.

"*Aspartam* sudah digunakan kira-kira tiga dekad lamanya, sementara penggunaan telefon bimbit menghampiri empat dekad.

"Justeru, kesimpulan yang saya boleh buat, hubung kait di antara kedua-dua elemen itu amatlah terpendil. Dengan kata mudah, ia tidak mempengaruhi secara langsung dengan barah otak," katanya.

Apabila menyentuh tentang kadar kesembuhan pesakit, Dr Badrisyah memberi jawapan yang rasional.

Beliau berterus terang bahawa penyakit barah memang sukar untuk disembuhkan.

"Sebagai contoh, kalau ketumbuhan itu 'duduk' di kawasan pertuturan, bermakna pesakit mungkin tidak boleh bercakap. Begitu juga kalau terjadi di kawasan pergerakan, mungkin pesakit akan

dan berehat."

- Prof Dr Badrisyah

lumpuh. Sebab itu, rawatan terkini dengan teknologi terbaharu amatlah penting.

"Penting bermaksud, selepas pesakit menerima rawatan tidak kira apa jenis (rawatan) pun, mereka boleh 'berfungsi semula', la bermaksud mereka boleh berjalan dan bertutur," katanya sambil menegaskan bahawa otak merupakan bahagian yang paling sensitif kerana 100 peratus organ tersebut mengawal badan manusia.

*SinarPlus* turut bertanya kepada beliau tentang kaedah pembedahan yang sering dilakukan ke atas pesakit.

Terlebih dulu, Dr Badrisyah menjelaskan situasi yang biasanya dialami oleh penderita.

"Begini, sekiranya seseorang yang mengalami gejala yang teruk, tekanan dalam otak akan menjadi terlampau tinggi sehingga menyebabkan sakit kepala yang berterusan, muntah-muntah dan gangguan pada penglihatan disebabkan barah yang semakin membesar," katanya.

Apabila hal itu tercetus, ia akan 'mencuri' atau mengambil bekalan darah dari bahagian otak yang lain sehingga menyebabkan bahagian di sekelilingnya (otak) menjadi bengkak.

"Kalau bengkak, ia tiada ruang lagi untuk mengembang. Jika ia



**SOKONGAN** psikososial daripada keluarga dan rakan sekeliling diperlukan oleh pesakit agar tidak cepat berputus asa dan patah semangat untuk meneruskan kehidupan.